



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

**TEKS UCAPAN  
YB DATUK SERI UTAMA TENGKU ADNAN BIN TENGKU MANSOR  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**SEMPENA  
MAJLIS PELANCARAN DAN SESI PENGUNDIAN UNIT RUMAWIP  
RESIDENSI VISTA WIRAJAYA DAN VISTA WIRAJAYA 2**

**14 JANUARI 2018 (AHAD) | 3.00 PETANG**

---

**BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM**

***(Senarai Salutasi akan diselaraskan kemudian oleh Penganjur)***

**Yang Berhormat Datuk Loga Bala Mohan  
Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan**

**Yang Berbahagia Datuk Seri Adnan Bin Haji Md Ikshan  
Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan**

**Yang Berbahagia Tan Sri Hj. Mhd. Amin Nordin Bin Abd. Aziz  
Datuk Bandar Kuala Lumpur**

**Yang Berusaha Encik Gan Yu Chai  
Pengarah Urusan Platinum Victory Sdn Bhd**

**Ketua-Ketua Jabatan dan Ketua-Ketua Agensi,**

**Rakan-Rakan Media,**

**Datuk Seri, Datuk- Datuk ,Tuan-tuan, Puan-Puan dan seterusnya  
bakal Pembeli-Pembeli RUMAWIP Residensi Vista Wirajaya dan  
Vista Wirajaya 2 yang dihormati sekalian.**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.**

1. Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah izinNya dapat kita berkumpul pada hari yang penuh bermakna ini.
2. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Syarikat Platinum Victory Sendirian Berhad yang menjemput saya untuk merasmikan Majlis Pelancaran dan Sesi Pengundian Unit RUMAWIP Residensi Vista Wirajaya dan Vista Wirajaya 2 pada petang ini. Projek ini adalah merupakan projek RUMAWIP yang kedua dilancarkan oleh pihak pemaju selepas Residensi Semarak Platinum pada 22 Julai 2017 yang lalu.
3. Pembangunan projek ini adalah satu lagi inisiatif Kerajaan bersama pihak pemaju dalam usaha memperbanyakkan lagi penyediaan rumah mampu milik kepada warga Wilayah Persekutuan agar setiap individu atau keluarga boleh memiliki rumah di Kuala Lumpur khususnya.
4. Saya juga difahamkan Platinum Victory telah komited untuk membangunkan sebanyak **10,318** unit RUMAWIP. Daripada jumlah tersebut sebanyak 2,171 unit melibatkan lima (5) buah projek telah kita tawarkan melalui Portal RUMAWIP. Ini menunjukkan masih terdapat sebanyak **8,147** unit yang akan ditawarkan melalui pihak pemaju dalam masa terdekat setelah mendapat kelulusan perancangan yang diperlukan.

5. Terima kasih dan syabas kepada syarikat Platinum Victory kerana bersama-sama dengan Kerajaan dalam menyediakan kediaman mampu milik kepada golongan yang memerlukan. Usaha sebegini wajar dicontohi lebih banyak lagi pemaju lain supaya hasrat kita untuk memperbanyakkan lagi kediaman RUMAWIP dapat direalisasikan.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

6. Syarikat Platinum Victory adalah sebuah syarikat pemaju perumahan yang tidak asing lagi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terutamanya di kawasan Setapak ini. Salah satu pemaju yang aktif sejak tahun 1998 dengan pengalaman hampir dua dekad dalam menyediakan kediaman yang praktikal, selesa, bermutu dan pulangan nilai yang amat berpatutan dengan harga.
7. Melalui **anak-anak syarikat Kumpulan Platinum Victory**, pihak pemaju akan membangunkan projek RUMAWIP Residensi Vista Wirajaya dan Vista Wirajaya 2 di atas tanah berkeluasan 7.63 ekar. Kedua-dua projek ini menawarkan dua (2) blok kediaman berketinggi 30 dan 35 tingkat dengan jumlah sebanyak 953 unit kediaman keseluruhannya. 548 unit ditawarkan kepada orang ramai, 300 unit rumah Residensi Vista Wirajaya dikhususkan untuk kakitangan DBKL, manakala 105 unit rumah Residensi Vista Wirajaya 2 adalah merupakan rumah penggantian bagi penduduk asal yang ditawarkan pada harga RM42,000 dengan keluasan **1,000** kaki persegi.

8. Kedua-dua projek Residensi Vista Wirajaya dan Residensi Vista Wirajaya 2 ini telah dibuka permohonan melalui Portal RUMAWIP pada 18 Ogos dan 22 Ogos 2017 yang lalu. Sepanjang permohonan tersebut dibuka, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menerima sekitar 722 permohonan yang telah mengemukakan dokumen permohonan mereka untuk tapisan.
9. Justeru, tuan-tuan dan puan-puan para pembeli yang hadir pada hari ini sebenarnya amat bertuah kerana telah berjaya dalam tapisan yang dijalankan bagi memperoleh unit kediaman di Residensi Vista Wirajaya dan Vista Wirajaya 2 ini.
10. Kediaman RUMAWIP yang disediakan adalah berkeluasan 884 untuk Residensi Vista Wirajaya dan 850 kaki persegi untuk Residensi Vista Wirajaya 2 yang ditawarkan pada harga RM300,000 seunit dengan tiga (3) bilik tidur, dua (2) bilik air dan satu (1) petak tempat letak kereta.
11. Kemudahan yang disediakan kepada pembeli juga adalah bertaraf kondominium seperti kolam renang, kawasan rekreasi kanak-kanak, dewan serbaguna, surau, pejabat pengurusan serta infrastruktur awam lain bagi memberikan keselesaan kepada penghuninya.
12. Selain itu, lokasi projek amat strategik dan terletak berhadapan dengan kemudahan LRT terdekat iaitu LRT Taman Melati. Akses jalan raya di sekitar lokasi ini juga memudahkan pergerakan bagi mendapatkan akses kemudahan asas sedia ada seperti sekolah, kompleks membeli-belah, bank serta klinik kesihatan rakyat.

Justeru, saya percaya projek ini menawarkan kediaman pada harga yang amat berpatutan jika diambilkira segala faktor kemudahan dan akses perhubungan sekitar kediaman Residensi ini.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

13. Projek ini akan memulakan fasa pembinaan pada tahun ini dan dijangka siap pada tahun **2022** nanti. Dengan reputasi dan rekod baik Syarikat Platinum Victory, saya yakin pembangunan Residensi ini akan berjalan dengan lancar dan sempurna seterusnya menepati sasaran RUMAWIP untuk menyediakan kediaman selesa khususnya bagi tuan-tuan dan puan-puan bakal pembeli sekalian.
14. Seperti semua projek RUMAWIP lain, projek Residensi ini juga akan terikat dengan sekatan jualan atau moratorium selama 10 tahun bagi membendung spekulasi hartanah daripada berlaku tanpa kawalan dan juga menjamin kepentingan golongan sasar iaitu rakyat yang berpendapatan sederhana dan rendah dalam memiliki kediaman sendiri.
15. Saya ingin menasihatkan kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian bakal pemilik RUMAWIP ini supaya mematuhi moratorium yang telah pihak Kerajaan tetapkan. Walaupun setelah tamat tempoh moratorium tersebut, simpanlah hartanah ini kerana manfaatnya bukan sahaja untuk kita bahkan untuk masa depan anak cucu kita kelak.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,**

16. Suka saya berkongsi pencapaian RUMAWIP semenjak dilaksanakan pada tahun 2013 yang lalu. Sehingga Disember 2017, kita telah berjaya mencapai sebanyak **71,554 unit** atau **89.44%** daripada sasaran keseluruhan 80,000 unit yang ditetapkan menjelang tahun 2020 merangkumi projek di bawah kategori “Siap”, “Dalam Pembinaan” dan “Kelulusan Perintah Pembangunan”.
17. Kementerian Wilayah Persekutuan amat berbesar hati dengan pencapaian ini dan sudah pasti para pembeli amat teruja untuk mendiami rumah mereka kelak dan ia selaras dengan hasrat Kerajaan untuk rakyatnya memiliki rumah sendiri.
18. Bagi tahun 2018 ini, akan ada banyak lagi projek-projek RUMAWIP di lokasi strategik yang akan ditawarkan kepada rakyat. Oleh itu, saya menyeru semua pihak untuk sama-sama mempromosikan inisiatif RUMAWIP ini supaya golongan sasaran yang berkelayakan dapat merebut peluang memiliki kediaman RUMAWIP di dalam pusat bandar pada harga yang sangat berpatutan dan setanding dengan kondominium – kondominium lain di Kuala Lumpur.
19. Saya menyeru rakyat sekalian agar menyokong usaha pihak Kerajaan dalam memperbanyakkan pembinaan RUMAWIP seperti ini. Kerajaan juga akan memberi penekanan kepada projek RUMAWIP yang akan datang dengan harga yang lebih rendah dan kita minta semua pemaju bersama-sama menyahut seruan kerajaan ini.

20. Kepada mereka yang berminat untuk membeli kediaman RUMAWIP, segeralah berdaftar di portal rasmi RUMAWIP atau merujuk terus pada Kementerian Wilayah Persekutuan. Terdapat banyak lagi projek-projek RUMAWIP lain yang masih dibuka untuk jualan. Rebutlah peluang keemasan ini sementara Kerajaan masih menyediakan kediaman mampu milik di ibu kota ini. Jadikan aset untuk diri dan keluarga kerana kami yakin setiap projek yang dibangunkan pastinya memberi keuntungan kepada para pembeli.
21. KWP dan DBKL serta kerjasama daripada pemaju swasta sentiasa berusaha untuk mencapai sasaran untuk membina RUMAWIP seperti yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, yang paling penting adalah memastikan semua projek RUMAWIP yang diluluskan diterjemahkan kepada pemilikan oleh rakyat yang berkelayakan.
22. Sekali lagi saya ucapkan tahniah kepada KWP, DBKL dan Platinum Victory Sdn Bhd serta semua pihak yang terlibat atas usaha yang digembleng secara bersama dalam menjayakan projek pembangunan RUMAWIP Residensi Vista Wirajaya dan Vista Wirajaya 2 ini.

**Akhir kata, saya dengan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim, dengan ini merasmikan Majlis Pelancaran dan Sesi Pengundian Unit RUMAWIP Residensi Vista Wirajaya dan Vista Wirajaya 2.**

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.